

## CUPAK DAN GANTANG SEBAGAI CERMINAN AKAL BUDI MELAYU DALAM PERIBAHASA

### *CUPAK AND GANTANG AS A REFLECTION OF MALAY INTELLECTUALITY IN PROVERBS*

NUR SHAZWANIE WAKIMIN & JUNAINI KASDAN

Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: nurshazwanie\_wakimin@yahoo.com

Received: 2<sup>nd</sup> August 2025; Accepted: 29<sup>th</sup> August 2025

#### **Abstrak**

Sistem sukatan tradisional dalam masyarakat Melayu, khususnya melalui penggunaan cupak dan gantang, bukan sekadar berfungsi sebagai alat pengukuran hasil pertanian, tetapi turut mengandungi nilai-nilai sosiobudaya, etika dan falsafah yang berakar dalam kerangka kognitif masyarakat Melayu. Penyelidikan ini bertujuan untuk menelusuri elemen ‘cupak’ dan ‘gantang’ dalam peribahasa Melayu. Cupak dan gantang bukan sahaja merupakan unit fizikal dalam kegiatan ekonomi tradisional, tetapi juga sebagai simbol budaya yang membawa makna tersirat yang berkaitan kehidupan dan akal budi masyarakat Melayu. Kajian ini meneliti peribahasa Melayu yang berunsurkan sukatan tradisional cupak dan gantang, seperti rezeki secupak tidak akan jadi segantang; cupak sudah menjadi gantang; cupak dilap takkan jadi gantang; dan cupak yang berbunga, gantang yang berisi. Peribahasa ini dipilih daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua yang disusun oleh Abdullah Hussain (2017) dan Portal Malaycivilization (<http://malaycivilization.com.my>). Analisis dilakukan dengan menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang berasaskan tiga tahap pemaknaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan istilah cupak dan gantang bukan semata-mata lambang sukatan konkrit, tetapi manifestasi epistemologi budaya dan akal budi Melayu. Pada tahap literal, kedua-duanya menggambarkan unit sukatan beras dan padi dalam kehidupan agraria. Pada tahap resonans kognitif, sukatan tersebut berfungsi sebagai metafora untuk konsep abstrak seperti rezeki, pertumbuhan, keterbatasan dan kemakmuran. Pada tahap inkuisitif, analisis menyingkap falsafah akal budi Melayu yang menekankan nilai usaha, syukur, tawakal, integriti dan keberkatan rezeki. Elemen cupak dan gantang dalam peribahasa yang dikaji memperlihatkan bahawa orang Melayu ialah masyarakat berfalsafah, progresif dan berakar pada pandangan hidup Islam

**Kata kunci:** Peribahasa Melayu, semantik inkuisitif, akal budi, cupak, gantang

#### **Abstract**

*The traditional measurement system in Malay society, particularly through the use of cupak and gantang, transcends its utilitarian function as mere quantifiers of agricultural yield. These units of measurement encapsulate socio-cultural values, ethical codes, and philosophical insights deeply rooted in the cognitive framework of the Malay community. This study aims to examine the extent to which cupak and gantang operate not only as physical units within traditional economic activities but also as culturally embedded metaphors reflected in selected Malay proverbs. This study examines Malay proverbs that employ the traditional measures cupak and gantang, such as rezeki secupak tidak akan jadi segantang (a cupak of sustenance will not become a gantang), cupak sudah menjadi gantang (a cupak has become a gantang), cupak dilap takkan jadi gantang (a cupak polished will not become a gantang), and cupak yang berbunga, gantang yang berisi (a cupak that blossoms, a gantang that is filled). The data collected from Kamus Istimewa*

*Peribahasa Melayu Edisi Kedua by Abdullah Hussain (2017) and Malaycivilization Portal (<http://malaycivilization.com.my>). The analysis applies to the Inquisitive Semantics (SI) Approach, which operates at three levels of meaning. The findings indicate that the selection of cupak and gantang is not merely symbolic of concrete measures, but reflects the epistemology and wisdom of Malay culture. At the literal level, these measures represent the units for rice and paddy in agrarian life. At the cognitive level, they function as metaphors for abstract concepts such as sustenance, growth, limitation, and prosperity. At the inquisitive level, they unveil the Malay worldview that values effort, gratitude, trust in God, integrity, and the blessing of lawful sustenance. This study demonstrates that cupak and gantang are practical, symbolic, rhetorical, and spiritual constructs. The proverbs which analysed reveal that Malays as philosophical, progressive, and grounded in Islamic ethics*

**Keywords:** Malay proverbs, inquisitive semantics, wisdom, cupak, gantang

## PENGENALAN

Dalam sejarah masyarakat Melayu, penggunaan unit sukatan tradisional seperti cupak dan gantang memainkan peranan penting dalam kehidupan harian sebelum sistem metrik diperkenalkan. Cupak biasanya diperbuat daripada tempurung kelapa yang dipotong dua, manakala gantang lazimnya diperbuat daripada kayu. Satu gantang bersamaan dengan empat cupak, dan satu cupak pula bersamaan dengan empat kal, menunjukkan struktur hierarki dalam sistem sukatan tradisional Melayu (Ismet & Rebecca 2003). Penggunaan unit-unit sukatan ini meluas dalam aktiviti harian seperti pembelian beras, pengagihan zakat fitrah, serta jual beli hasil pertanian. Dalam pengagihan zakat fitrah, gantang digunakan sebagai ukuran rasmi untuk menentukan jumlah beras yang perlu dikeluarkan oleh umat Islam (Mufti Wilayah Persekutuan 1994). Selain itu, dalam perdagangan hasil pertanian, cupak dan gantang digunakan untuk memastikan ketepatan sukatan dalam transaksi jual beli (Azman et al. 2020). Kepentingan alat sukatan ini bukan sahaja terletak pada fungsi praktikalnya, tetapi juga pada nilai sosial dan amanah yang diwakilinya; sukatan menjadi lambang kejujuran peniaga, ketelusan urusan niaga, dan kesaksamaan pengagihan. Walaupun sistem metrik telah diperkenalkan pada tahun 1977, penggunaan gantang dan cupak masih relevan dalam konteks budaya dan agama, diiktiraf oleh Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) dan SIRIM sebagai rujukan dalam pengiraan zakat dan fidyah (Azman et al. 2020). Secara keseluruhannya, cupak dan gantang bukan sahaja alat sukatan, tetapi juga simbol warisan budaya dan nilai-nilai murni dalam masyarakat Melayu.

Dengan kata lain, konsep sukatan dan timbangan bukanlah unik kepada masyarakat Melayu. Sebaliknya, kata ini merupakan unsur budaya universal yang hadir dalam pelbagai tamadun. Dalam hal ini, ‘cupak’ dan ‘gantang’ berdiri sebagai manifestasi tempatan di dalamnya terkandung makna, sehingga kata ini digunakan secara tersirat dalam peribahasa, untuk memberikan gambaran dan penjelasan tentang masyarakat Melayu, secara umumnya. Penggunaan gantang dalam peribahasa Melayu seperti “melukut di tepi gantang” dan “secupak tidak akan menjadi segantang” mencerminkan nilai-nilai tersebut dalam budaya masyarakat Melayu. Peribahasa Melayu merupakan wadah ilmu yang berfungsi bukan sahaja sebagai cerminan bahasa, tetapi juga sebagai refleksi falsafah dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Melalui peribahasa, akal budi bangsa Melayu terakam dalam bentuk kiasan, lambang dan metafora yang memandu kehidupan seharian. Antara unsur yang sering muncul dalam peribahasa ialah sukatan tradisional cupak dan gantang, yang pada mulanya berfungsi sebagai unit pengukuran beras dan padi dalam konteks agraria, tetapi kemudiannya berkembang menjadi simbol epistemologi yang lebih luas (Hamilton 1955; Muhammad Haji Salleh 1991).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Peribahasa Melayu seperti “rezeki secupak tidak akan segantang” menggunakan ukuran tradisional, iaitu cupak dan gantang, untuk menggambarkan rezeki yang diperoleh individu. Walaupun makna literalnya jelas, kajian khusus yang meneliti nilai simbolik, falsafah dan hubungan antara ukuran tradisional dengan konsep usaha, ketekunan dan keusahawanan masih terhad (Hamilton 1955; Mohd Rasdi Saamah & Abu Hassan 2005). Ukuran fizikal ini bukan sahaja berkaitan dengan pengukuran beras atau hasil pertanian, tetapi juga mencerminkan nilai sosial, disiplin, dan tanggungjawab dalam pengurusan sumber ekonomi (Azman et al. 2020).

Selain itu, kajian terdahulu masih terhad dalam meneliti aspek akal budi dan nilai sikap proaktif yang tersirat dalam peribahasa. Namun, dalam memahami simbolisme cupak dan gantang ini membolehkan pengkaji meneliti bagaimana masyarakat Melayu mengaitkan usaha individu dengan hasil yang diperoleh, serta kepentingan mengambil inisiatif dalam mencapai matlamat kehidupan (Bateman & Crant 1993). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara terperinci hubungan antara cupak dan gantang dengan konsep usaha, ketekunan dan keusahawanan melalui pendekatan semantik inkuisitif, bagi menyingkap makna tersirat dan nilai falsafah yang terkandung dalam peribahasa Melayu.

## **KOSA ILMU DAN KERANGKA TEORI**

Peribahasa Melayu merupakan wahana penting yang memaparkan kebijaksanaan kolektif masyarakat Melayu. Ia bukan sahaja mengandungi fungsi estetika bahasa, tetapi juga menjadi instrumen kognitif dan budaya yang merakamkan cara berfikir, falsafah, serta akal budi bangsa. Menurut Asmah Haji Omar (2008), peribahasa ialah bahasa kiasan yang mengandungi makna tersirat untuk menyampaikan pengajaran, kritikan sosial, atau peraturan hidup. Noriah Mohamed (2010) pula menegaskan bahawa peribahasa Melayu berfungsi sebagai manifestasi pemikiran yang menghubungkan pengalaman harian dengan pandangan dunia masyarakat. Hal ini turut ditegaskan oleh A.W. Hamilton (1955) yang melihat peribahasa Melayu lazimnya berakar daripada kehidupan agraria, dengan mengambil unsur konkrit seperti padi, sawah, haiwan dan sukatan tradisional sebagai kiasan untuk mengungkap makna abstrak.

Dalam kerangka teori semantik, Lakoff dan Johnson (1980) memperkenalkan teori metafora konseptual yang menjelaskan bahawa manusia menggunakan pengalaman konkrit untuk memahami konsep abstrak. Zoltán Kövecses (2010) pula menekankan bahawa metafora bukan sekadar gaya bahasa, tetapi merupakan mekanisme kognitif asas yang membentuk pemikiran. Hal ini selari dengan kajian Mohd Nopiah, Ahmad Addli dan Rosniza Osman (2023) yang menunjukkan bahawa metafora dalam peribahasa Melayu berperanan sebagai wahana epistemologi, iaitu wadah ilmu yang mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu. Oleh itu, istilah seperti cupak dan gantang bukan sekadar lambang sukatan, tetapi telah diangkat menjadi metafora budaya yang kaya dengan makna falsafah.

Kerangka kajian ini adalah berteraskan Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). SI menekankan tiga tahap analisis makna, iaitu tahap harfiah, tahap resonans (pemindahan makna melalui metafora) dan tahap inkuisitif (pencungkilan nilai, falsafah dan akal budi). Melalui SI, peribahasa dapat dianalisis bukan sahaja sebagai ungkapan linguistik, tetapi juga sebagai dokumen pemikiran bangsa. Kajian Nor Hashimah Jalaluddin dan Asad Mohamed (2018) membuktikan keberkesanan SI apabila objek konkrit dalam peribahasa Melayu didapati membawa abstraksi makna yang kompleks, termasuk nilai moral dan sosial.

Selain itu, aplikasi SI terhadap pelbagai jenis peribahasa telah dijalankan oleh beberapa sarjana. Azhar Wahid Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016) juga menunjukkan bagaimana bahasa kiasan berasaskan deria seperti manis, masam dan pahit dapat ditafsirkan sebagai cerminan nilai moral dan kognisi masyarakat Melayu. Mohd Ridhuan Baharudin Md Nasir dan Mohd Faizal Subet (2019) pula membuktikan bahawa penggunaan SI dalam pengajaran peribahasa Melayu dapat memperkaya proses pembelajaran kerana peribahasa berupaya menyingkap dimensi falsafah yang lebih mendalam. Selanjutnya, Azman Saimon dan Mohd Azam Md Rashid (2022) pula menekankan bahawa peribahasa Melayu berunsur kepimpinan, apabila dianalisis menggunakan SI, memperlihatkan nilai keadilan, kebijaksanaan dan etika kepimpinan Melayu yang sarat dengan pengajaran moral.

Kajian terdahulu ini jelas memperlihatkan bahawa penggunaan SI dalam analisis peribahasa telah menghasilkan dapatan yang mendalam tentang pemikiran dan falsafah Melayu. Oleh itu, kajian terhadap peribahasa berunsur cupak dan gantang melalui pendekatan SI dapat menyingkap dengan lebih jelas nilai praktikal, simbolik, retorik dan spiritual yang terkandung di dalamnya. Analisis ini seterusnya memperkukuh hujah bahawa masyarakat Melayu memiliki sistem pemikiran yang tersendiri, jauh daripada stereotaip negatif yang dipaksakan oleh wacana kolonial. Melalui kerangka

ini, analisis terhadap peribahasa cupak dan gantang akan menyingkap bagaimana masyarakat Melayu mengkonseptualisasikan pengalaman agraria mereka menjadi panduan hidup yang lebih luas.

## METODOLOGI

Secara keseluruhannya, kajian ini bersifat kualitatif, serta menumpukan pembacaan dan penelitian yang rinci terhadap aspek peribahasa, khususnya dalam korpus kajian. Data dikumpulkan melalui dua kaedah yang meliputi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Sebanyak dua rujukan kajian dimanfaatkan dalam kajian ini, iaitu *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* yang disusun oleh Abdullah Hussain (2017) dan *Portal Malaycivilization* (<http://malaycivilization.ukm.my>). Kedua-dua kaedah ini dilakukan pada permulaan proses pengumpulan data kajian yang terdiri daripada peribahasa Melayu berunsurkan cupak dan gantang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, dengan tumpuan kepada pembacaan dan analisis terperinci terhadap peribahasa Melayu berunsurkan cupak dan gantang.

Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks, bagi memastikan data yang diperoleh sah dan relevan. Analisis peribahasa dijalankan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang dipelopori oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan diperkukuh dengan rangka rujuk silang (RRS) yang merupakan subkonsep daripada Teori Relevans, yang diperkenalkan oleh Kempson (1986). Pendekatan semantik inkuisitif membolehkan pengkaji mentafsirkan makna yang tersirat dalam peribahasa menggunakan mata hati, untuk menyingkap falsafah, akal budi, dan nilai murni yang terkandung di dalamnya.

## DAPATAN DAN ANALISIS

Kajian ini berjaya mengenal pasti sebanyak 15 peribahasa yang mengandungi elemen cupak dan gantang, seperti yang dipaparkan dalam jadual 1. Dalam bahagian ini, pengkaji memilih satu peribahasa daripada unsur cupak dan gantang untuk ditafsirkan maknanya. Kemudian, analisis secara lebih saintifik dan mendalam dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin 2014).

Jadual 1. Data Peribahasa Berunsurkan Cupak dan Gantang

No.	Peribahasa	Unsur	Makna / Tafsiran
1	Rezeki secupak tidak akan jadi segantang	Cupak & Gantang	Rezeki sudah ditentukan oleh Allah; banyak sedikit bergantung pada usaha.
2	Tak sampai cupaknya	Cupak	Belum cukup syarat; belum matang atau belum layak.
3	Sampai ke gantangnya	Gantang	Sudah cukup sempurna; mencapai had tertentu.
4	Seperti cupak dibelah dua	Cupak	Pembahagian adil dan saksama.
5	Mengukur orang dengan cupaknya	Cupak	Menilai orang lain mengikut ukuran atau kemampuan diri sendiri.
6	Tiada cupak yang tak terisi, tiada raga yang tak terjunjung	Cupak	Setiap sesuatu ada yang menguruskan; semua perkara ada jalan penyelesaiannya.
7	Tak penuh cupak yang diisi, tak habis raga yang dijunjung	Cupak	Usaha separuh jalan tidak membawa hasil sempurna.
8	Sepantun gantang di dalam rumah	Gantang	Sesuatu yang jelas nyata dan diketahui orang ramai.
9	Gantang tertutup rapat	Gantang	Rahsia yang sangat tersembunyi, tidak diketahui umum.

No.	Peribahasa	Unsur	Makna / Tafsiran
10	Sama-sama segantang sepenampi	Gantang	Sama rata; tidak ada perbezaan layanan atau bahagian.
11	Hilang gantang kerana cupak	Cupak & Gantang	Kerugian besar kerana perkara kecil yang tidak diurus dengan baik.
12	Tak ada cupak terlankau, tak ada gantang terkurang	Cupak & Gantang	Segala sesuatu berjalan dengan seimbang, tiada kurang atau lebih.
13	Dari secupak jadi segantang	Cupak & Gantang	Sesuatu yang sedikit lama-lama akan menjadi banyak; usaha konsisten membawa hasil.
14	Cupak sudah terisi, gantang sudah penuh	Cupak & Gantang	Sesuatu yang sudah lengkap, tidak boleh ditambah lagi.
15	Gantang terbuang cupak tak terisi	Cupak & Gantang	Kesempatan besar yang sia-sia kerana hal kecil diabaikan.

### Analisis Peribahasa ‘Rezeki secupak tidak akan jadi segantang’

Bagi melihat makna tersurat dan makna tersurat elemen sukatan ‘cupak’ dan ‘gantang’ dianalisis melalui tiga tahap penganalisan, iaitu tahap 1 melihat makna harfiah, tahap 2 melihat makna resonans dan tahap 3 melihat falsafah dan akal budi.

#### Analisis Tahap 1

Secara harfiah, peribahasa ‘rezeki secupak tidak akan jadi segantang’ membawa maksud ‘takdir yang telah ditentukan oleh Tuhan’. Istilah secupak dan segantang merujuk kepada unit sukatan tradisional masyarakat Melayu, dengan cupak lebih kecil berbanding gantang yang lebih besar. Perbezaan sukatan ini melambangkan variasi dalam jumlah rezeki yang diperoleh, khususnya dalam konteks hasil tani dan aktiviti ekonomi harian (Hamilton 1955). Makna harfiah ini juga menekankan asas prinsip kehidupan masyarakat Melayu, iaitu setiap individu akan memperoleh rezeki setimpal dengan usaha dan ukuran yang telah ditentukan, sambil mengakui bahawa jumlah rezeki berada di bawah ketentuan Tuhan. Dengan demikian, peribahasa ini bukan sekadar menunjukkan perbezaan fizikal antara sukatan cupak dan gantang, tetapi berfungsi sebagai metafora bagi keadilan dan kesederhanaan dalam pengalihan rezeki berdasarkan usaha setiap individu.

Namun, pencarian makna tidak terhenti kepada makna harfiah, cupak dan gantang sebagai ukuran rezeki yang diperoleh. Soalan selanjutnya yang perlu ditelusuri adalah mengapa ‘cupak’ dan ‘gantang’ yang dijadikan perlambangan, sedangkan terdapat alat sukatan yang lain, seperti penimbang atau bekas yang lain. Justeru, analisis tahap 2 diperlukan untuk menghuraikan proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu yang dapat menjelaskan pemilihan objek ‘cupak’ dan ‘gantang’.

#### Analisis Tahap 2

Dalam proses menyelami maksud ‘cupak’ dan ‘gantang’ dalam peribahasa yang bersifat implisit, maka soalan selanjutnya adalah “mengapa cupak dan gantang” dijadikan persamaan bagi ‘takdir’? Oleh itu, analisis diteruskan dengan penerokaan peringkat resonans. Setiap pemilihan objek dalam pembentukan peribahasa pasti ada kewajarannya. Perlambangan objek yang digunakan, iaitu ‘cupak’, dan ‘gantang’ dikaitkan dengan kegiatan ekonomi yang melatari masyarakat Melayu ketika itu. Keadaan itu, telah digambarkan dalam konteks makna harfiah. Berikut merupakan jadual 2 yang menunjukkan pencerakinan bagi peribahasa *rezeki secupak tidak akan menjadi segantang*:

Jadual 2. Pencerakinan Peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang*

Domain	Peribahasa	Makna		Kategori Makna
Keusahawanan	<i>Rezeki secupak tidak akan jadi segantang</i>	Takdir yang ditentukan oleh tuhan.	➔	Usaha/Proaktif

Berpandukan Jadual 2, daripada kategori makna yang telah tercatat, didapati bahawa peribahasa “rezeki secupak tidak akan jadi segantang” adalah berkaitan dengan ketekunan dan usaha. Oleh itu, berdasarkan kategori makna yang dibentuk, peribahasa ini boleh dikaitkan dengan domain keusahawanan, yang melibatkan satu sikap positif, iaitu mempunyai sikap proaktif sebagai asas pembentukan perilaku individu. Sikap proaktif merujuk kepada kemampuan seseorang untuk mencari peluang, mengenal pasti kesempatan, dan seterusnya mengambil tindakan bagi memanfaatkannya (Bateman & Crant 1993). Dalam mengharungi kehidupan, individu sentiasa membuat pilihan dan keputusan dalam mengendalikan hidup, dalam setiap tindakan yang diambil akan membawa hasil yang baik atau sebaliknya.

Tahap ini diperkukuh dengan data korpus bagi membantu menjelaskan makna peribahasa rezeki secupak tidak akan jadi segantang. Ayat (i) dan ayat (ii) merupakan RRS bagi peribahasa rezeki secupak tidak akan segantang yang digunakan dalam penggunaan sebenar penutur bahasa Melayu, yang dijana daripada data korpus DBP. Korpus DBP ialah pangkalan data bahasa Melayu yang dikumpulkan, dibangunkan dan diselenggara oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi melihat perilaku bahasa.

#### Contoh ayat (i)

Justeru, dalam hal ini, orang Melayu sendiri sudah membayangkan sekiranya mereka hanya **duduk berdiam diri tanpa apa-apa usaha** dan tidak memanfaatkan akalinya maka

rezeki yang **secupak** tetap tidak menjadi segantang.

[Korpus DPB: Azrina Sobian. (2005). *Umat Islam dituntut cipta kekuatan, bongkar rahsia ilmu.*]

Berdasarkan data (i) dan data (ii), tanda anak panah menghala ke bawah ( ↓ ) merujuk kepada konsep usaha dan kerja keras, manakala tanda anak panah yang menghala ke atas pula ( ↑ ) kepada peribahasa *rezeki secupak tidak jadi segantang*. Contoh ayat (i) frasa ‘duduk berdiam diri tanpa apa-apa usaha’ dirujuk silangkan kepada istilah ‘cupak’ memberikan gambaran bahawa ‘sesuatu yang tetap’ atau ‘tidak berubah’. Berbanding dengan alat lain, seperti ‘mangkuk’, ‘tin’ dan sebagainya yang tidak merujuk kepada ukuran tetap. Mengikut Syariat atau kiraan Baghdad, satu cupak adalah bersamaan dengan 5 1/3 ratal atau empat cekup penuh tapak tangan. Timbangannya ialah 7585 dirham atau 2.57 liter atau 2176 gram (<https://muftiwp.gov.my/>). Ukuran ini tidak berubah dari zaman dahulu sehingga bila-bila. Tetapnya ukuran ini disamakan atau dijadikan analogi kepada ‘keadaan duduk diam tanpa apa-apa usaha’. Namun, ukuran ini akan bertambah menjadi gantang, satu ukuran yang lebih besar, yang menyamai empat ukuran cupak. Gambaran dapat dilihat melalui contoh ayat (ii) yang berikut:

Nyatalah konsep rezeki ini di sini bukanlah seperti yang dipercayai oleh setengah-setengah orang kita rezeki **secupak** tak akan jadi segantang. Dan ulat dalam batu pun

ada rezekinya<sup>^</sup>. Dalam adat ‘rezeki’ **boleh bertambah jika diusahakan**. Dan **tanpa usaha** ‘rezeki ini tidak akan datang dengan sendirinya.

[Korpus DBP: Sanusi Osman. (1989). *Ikatan etnik dan kelas di Malaysia*]

Berpandukan contoh ayat (i) dan (ii), peribahasa tersebut merujuk kepada setiap individu perlu berusaha dan berkerja keras untuk mendapatkan rezeki yang lebih baik. Kedua-dua teks korpus ini menolak tanggapan bahawa rezeki adalah ketentuan mutlak tanpa usaha. Sebaliknya, usaha dan ketekunan menjadi prasyarat kepada keberhasilan. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran keusahawanan sudah terpancar dalam falsafah hidup masyarakat Melayu, menolak mitos kebergantungan kepada takdir semata-mata. Jika rajin usaha maka, hasilnya akan baik jika sebaliknya maka setakat itu rezeki yang akan diperoleh. Keadaan ini telah disamakan dengan peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang*. Huraian ini merupakan huraian makna yang berlaku dalam proses kognitif.

Melalui contoh ayat (i) dan (ii), rangka rujuk silang (RRS) telah diaplikasikan bagi perbincangan pada peringkat ini untuk membantu mendapatkan maklumat tambahan dalam menghuraikan makna peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang*. Dalam contoh ayat (ii) misalnya, maklumat anteseden tidak dibekalkan untuk merujuk makna harfiah bagi metafora peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang* yang ada hanya maklumat premis tambahan sahaja yang boleh membantu memperkukuh dan menambahkan pemahaman dalam konteks ujaran. Berdasarkan contoh data korpus, yang juga merupakan penggunaan peribahasa dalam ungkapan sebenar masyarakat Melayu, klausa yang dihitamkan merupakan premis tambahan bagi mengukuhkan dan menjelaskan lagi makna metafora yang disendengkan. Maklumat daripada premis tambahan yang terdapat dalam contoh data, iaitu *Dalam adat 'rezeki' boleh bertambah jika diusahakan. Dan tanpa usaha 'rezeki' ini tidak akan datang dengan sendirinya*. Kesemua klausa berkenaan merujuk kepada makna metafora peribahasa *rezeki secupak tidak akan menjadi segantang*, iaitu membawa kepada padanan makna bahawa dalam kehidupan manusia seharusnya berusaha mengubah nasib, rezeki atau takdir dalam kehidupan kita untuk mendapatkan nasib dan rezeki yang lebih baik bukannya hanya berharap rezeki itu akan datang dengan sendiri tanpa ada usaha yang proaktif. Hal ini selari dengan pandangan Hisrich et al. (2013) yang menyatakan bahawa individu keusahawanan ialah mereka yang tidak menunggu peluang tetapi menciptanya melalui ketekunan, kreativiti dan keberanian menghadapi risiko. Hal ini kerana Allah SWT tidak akan memberi dan membantu hamba-Nya yang malas untuk berusaha bagi mengubah kelangsungan hidup.

Selanjutnya, bagi membantu pendengar lebih memahami, maka pemetaan projeksi turut diterapkan pada peringkat ini. Berikut merupakan jadual 3 Pemetaan Projeksi bagi peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang*:

Jadual 3. Pemetaan Projeksi Rezeki Secupak Tidak Akan Segantang

Domain Sumber (Konkrit)	Pemetaan	Domain Sasaran (Abstrak)
Rezeki “secupak”	ke	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rezeki adalah nafkah/ segala keperluan untuk kelangsungan hidup.</li> <li>• Cupak adalah ukuran yang digunakan untuk menyukat beras (suku gantang).</li> <li>• Rezeki yang ada tidak banyak.</li> </ul>
Rezeki “segantang	ke	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rezeki adalah nafkah/ segala keperluan untuk kelangsungan hidup</li> <li>• Gantang ialah unit sukatan untuk menyukat beras yang besarnya empat cupak.</li> <li>• Rezeki lebih daripada yang diperlukan.</li> </ul>

Berpandukan kepada pemetaan projeksi Jadual 3, pengkaji telah mengaitkan konsep domain kemasyarakatan itu melalui analogi *rezeki secupak tidak jadi segantang*. Melalui pemetaan ini, konsep keusahawanan masyarakat Melayu dihubungkan dengan nilai ukuran dan keberkatan hasil usaha. Unit sukatan seperti cupak dan gantang menjadi simbol ukuran rezeki berdasarkan kepada usaha yang dilakukan. Berpandukan kepada proses kognitif ini, terdapat domain keusahawanan menjadi kayu

pengukur serta memberi impak kepada budaya kerja bangsa Melayu yang telah dicerminkan menerusi peribahasa *rezeki secupak tidak jadi segantang*.

Melalui pemetaan ini, pengkaji cuba untuk menjelaskan tentang “Rezeki” ialah konsep yang abstrak di mana kita tidak dapat melihat bentuk atau rupa “rezeki”, iaitu rezeki merupakan nafkah bagi meneruskan kelangsungan hidup. Jadi untuk memahami rezeki sebagai idea atau konsep yang abstrak, orang Melayu telah memberikan sifat fizikal kepada “rezeki” dengan sifat yang boleh diukur dengan menggunakan ukuran ‘cupak’ dan ‘gantang’. Jadual 4 memaparkan nilai antara cupak dan gantang.

Jadual 4. Ukuran/Sukatan cupak dan gantang

Peribahasa	Ukuran/ Sukatan
Satu leng	Sejenis alat sukatan yang diperbuat daripada tempurung kelapa dan unitnya lebih kecil daripada cupak.
Secupak atau satu cupak	Sejenis alat sukatan yang diperbuat daripada tempurung kelapa dan unitnya lebih besar daripada <i>leng</i> tetapi lebih kecil daripada gantang.
Segantang atau satu gantang	Sejenis alat sukatan yang biasanya diperbuat daripada aluminium yang berbentuk silinder dan unitnya lebih besar daripada <i>cupak</i> .

Sumber: Mohd Rasdi dan Abu Hassan. (2005)

Penggunaan ukuran sukatan *cupak* dan *gantang* telah digunakan sejak sekian lama dalam kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai kaitan rapat dengan aktiviti penanaman padi. ‘Secupak’ ialah unit sukatan untuk menyukat beras, iaitu bersamaan dengan suku gantang. Keadaan ini dapat disamakan dengan rezeki yang diperoleh tidak banyak atau cukup makan sahaja, yang boleh dikaitkan dengan konsep ekonomi sara diri. Tambahan pula, ‘segantang’ ialah sukatan untuk menyukat beras yang besarnya bersamaan dengan empat cupak. Perkara ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa rezeki yang diperoleh lebih daripada yang diperlukan. Dengan melakukan proses abstraksi daripada benda nyata (konkrit) yang diambil dari alam benda, iaitu sifat yang boleh diukur (*secupak*, *segantang*) untuk membentuk konsep abstrak tentang nilai ukuran. Oleh hal yang demikian, perkara ini telah dipetakan kepada nilai rezeki yang diperoleh adalah berbeza-beza dan tidak tetap yang telah dikonsepsikan dengan nilai ukuran yang disamakan dengan daya usaha serta kegigihan dalam mendapatkan rezeki.

Pada tahap inkuisitif, ia menyingkap akal budi Melayu yang menekankan usaha dalam ruang lingkup kemampuan, disertai syukur dan tawakal kepada Tuhan. Pemilihan cupak dan gantang melambangkan keakraban masyarakat Melayu dengan kehidupan agraria, sekali gus memudahkan pemahaman tentang konsep rezeki. Hal ini memperlihatkan falsafah bahawa rezeki adalah anugerah Ilahi yang memerlukan pengurusan amanah, bukan tanda kemalasan (Syed Hussein Alatas 1989; Tenas Effendy 2012).

### Analisis Tahap 3

Analisis diteruskan lagi pada peringkat semantik inkuisitif yang mengaitkan akal budi dan falsafah penuturnya dan bukannya hanya berhenti pada peringkat kognitif sahaja. Sejak dahulu lagi, masyarakat Melayu telah terkenal sebagai masyarakat pemerhati yang tajam dalam meneliti alam sekeliling serta bijak mencipta perlambangan bahasa yang mencerminkan pandangan hidup mereka (Mohd. Taib Osman 1983). Peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang* ini tidak hanya menganjurkan usaha, malah turut mengandungi domain keusahawanan dalam bentuk perlambangan ‘ukuran’ sebagai asas kepada perancangan, penilaian risiko dan pengurusan sumber. Dalam prinsip keusahawanan, pengukuran merupakan aspek penting dalam membuat keputusan seperti menilai keuntungan, menjejak modal, dan mengukur pertumbuhan perniagaan (Hisrich et al. 2013). Oleh itu, orang Melayu telah awal-awal lagi menerapkan prinsip ini dalam bahasa dan budaya mereka.

Penggunaan unit 'cupak' dan 'gantang' bukan hanya simbol sukatan, tetapi merupakan domain keusahawan dalam menerapkan konsep nilai dan etika kerja masyarakatnya. Menurut Hassan Ahmad (2006), peribahasa Melayu memuatkan naratif budaya yang kompleks dan tidak harus dilihat sebagai cerminan kejumudan atau kemalasan. Bahkan, peribahasa ini menolak fahaman determinisme semata-mata dan menggalakkan usaha, kecekalan dan kemampuan manusia untuk berubah. Orang Melayu dahulu percaya dan berpegang kepada ajaran agama, iaitu manusia akan memperoleh apa-apa sahaja jika berusaha. Kalau yang diusahakan itu hanyalah secupak, maka secupaklah rezekinya, tetapi apabila yang diusahakan itu segantang, maka dengan izin Allah segantanglah rezeki yang akan diperolehnya. Peribahasa ini menunjukkan bahawa kejayaan dan rezeki seseorang boleh ditingkatkan sekiranya dia menggandakan usaha dan menggunakan kebijaksanaan dalam mengatur kehidupannya. Hal ini memperlihatkan betapa eratnya kaitan antara pemikiran ekonomi dalam budaya keusahawanan dengan sistem nilai masyarakat Melayu tradisional (Abdul Rahman Embong 1996).

Penutur dahulu mengaitkan ukuran secupak dan segantang dengan rezeki dan tidak menggunakan ukuran lain disebabkan oleh secupak dan segantang amat rapat dengan aktiviti penanaman padi dan merupakan nilai ukuran untuk menimbang beras. Peribahasa rezeki secupak tidak akan segantang menggunakan perlambangan konkrit melalui unit ukuran 'secupak' dan 'segantang' yang berasal daripada aktiviti ekonomi masyarakat agraria Melayu (Mohd Rasdi Saamah dan Abu Hassan Hasbullah 2005). 'Cupak' dan 'gantang' ialah alat sukatan yang digunakan dalam aktiviti menyukat beras dan hasil tani. Ukuran ini bukan sahaja menggambarkan realiti agraria, tetapi membentuk sistem nilai masyarakat tentang kecukupan, keberkatan dan usaha. Penggunaan unit 'secupak' dan 'segantang' bukan hanya simbol sukatan, tetapi merupakan konsep keusahawanan dalam nilai dan etika kerja. Apabila seseorang memperoleh 'secupak', ia bukan bermaksud rezekinya tetap begitu selama-lamanya. Jika dia berusaha dan bertawakal, rezekinya boleh berubah menjadi 'segantang'. Hal ini jelas mencerminkan pemikiran dinamik dan tidak statik. Gantang merupakan penyukat bagi kapasiti kering yang biasanya digunakan untuk menyukat makanan. Nooremah Ag. Said et al. (2014), mengatakan bahawa pada zaman dahulu hampir setiap negara mempunyai penyukat kapasiti tersendiri terutamanya negara yang kegiatan ekonominya bergantung kepada aktiviti pertanian, misalnya Malaysia, Brunei dan Indonesia telah menggunakan unit sukatan cupak dan gantang.

Gantang merupakan alat sukatan bagi menyukat makanan di Alam Melayu dan pada ketika itu gantang telah digunakan sebagai piawaian sukatan beras yang menjadi unit isipadu bagi beras dan bijirin. Gantang bukan sahaja digunakan sebagai alat bagi menyukat berat, tetapi juga sebagai menyukat kapasiti sesuatu benda. Sukatan seumpama gantang juga turut terdapat di Barat, misalnya gallon dan bushel. Di Jepun, sukatan seumpamanya dikenali sebagai "sha", manakala di rantau Arab, istilah *Mudd*, *Sa'* dan *Wasq* digunakan bagi menggambarkan piawaian sukatan yang digunakan.

Penggunaan cupak dan gantang amat rapat dalam kehidupan seharian dan urusan jual beli masyarakat Melayu tradisi telah membuktikan bahawa sebelum aplikasi piawaian unit sistem metrik dan sistem imperial digunakan masyarakat Melayu telah menggunakan ukuran gantang sebagai salah satu unit sukatan. Penutur dahulu mengaitkan ukuran secupak dan segantang dengan rezeki dan tidak menggunakan ukuran lain disebabkan oleh cupak dan gantang amat rapat dengan aktiviti sosiobudaya masyarakat Melayu, iaitu sebagai alat untuk menyukat nilai ukuran beras. Beras bukan sahaja merupakan makanan ruji masyarakat di Alam Melayu, bahkan suatu ketika dahulu beras turut dijadikan sebagai alat tukaran mata wang semasa aktiviti urus niaga harian dijalankan dan disukat menggunakan unit ukuran gantang. Kajian oleh Shaharil Talib (1995) turut menunjukkan masyarakat Melayu mempunyai jaringan ekonomi yang mantap termasuklah sistem barter dan pengeluaran berskala kecil yang berdasarkan kepada prinsip gotong-royong, nilai amanah dan kecekalan bekerja walaupun dalam keadaan sumber terhad. Hal ini menyangkal terus persepsi bahawa masyarakat Melayu tidak produktif atau lemah semangat saing.

Peribahasa *rezeki secupak tidak akan jadi segantang* berkisarkan tentang nilai dan ukuran. Orang Melayu dahulu mencipta sesuatu peribahasa itu bukan sekadar suka-suka tetapi dalamnya mengandungi makna besar yang perlu difahami dan dipegang sebagai amalan dalam menjalani kehidupan seharian. Masyarakat Melayu dahulu telah mengajar anggota masyarakatnya perkara yang

paling asas dan paling penting untuk menjadi seorang usahawan ialah perlu mengamalkan sikap sentiasa 'ukur' kedudukan diri sendiri. Maksudnya, kalau menjalankan perniagaan, seorang peniaga itu perlu *ukur* terlebih dahulu pendapatan sebenar perniagaan, *ukur* berapa kos yang diperlukan dan yang dikeluarkan, *ukur* berapa jumlah pelanggan yang ada, *ukur* berapa hasil jualan yang telah berjaya dikumpulkan dan bukan hanya sekadar mengamalkan konsep redha, tawakal dan berserah tetapi tidak *mengukur* mengikut kemampuan serta keupayaan dalam perniagaan. Atas sebab itu dalam peribahasa berkenaan telah dibentuk dengan melibatkan sistem ukuran yang ada ketika itu dengan menggunakan unit ukuran secupak dan segantang.

Di samping itu, peribahasa itu telah memberikan suntikan 'semangat' kepada orang Melayu untuk tidak berputus asa dan berusaha dengan lebih gigih lagi jika menginginkan rezeki yang lebih baik terutamanya bila melibatkan golongan usahawan. Berdasarkan kepada peribahasa ini, amat penting untuk ditelusuri maknanya terutamanya kepada golongan usahawan atau yang berniaga kerana menerusi peribahasa ini telah membuka ruang dalam membuat gerak kerja atau rancangan perniagaan bagi menjayakan perniagaan yang sedang dilakukan. Selaras dengan ajaran Islam yang mengajar umatnya agar berusaha, berdoa kemudian tawakal kepada Allah dalam mengaturkan rezeki mereka. Peribahasa ini mencerminkan nilai keusahawanan seperti pengurusan risiko, ukur kemampuan serta membuat perancangan yang strategik.

Justeru, berdasarkan tafsiran akal budi menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, peribahasa rezeki secupak tidak akan segantang bukanlah sekadar merujuk kepada "usaha dan kerja keras" semata-mata, tetapi mengandungi nilai mendalam tentang pentingnya mengukur potensi dan kemampuan diri dalam membina kejayaan. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu sejak dahulu telah menanamkan prinsip asas dalam keusahawanan, iaitu sebelum memulakan sesuatu usaha, ukur dahulu keupayaan diri, ukur kos, ukur hasil dan ukur sasaran yang ingin dicapai. Prinsip "ukur dahulu sebelum melangkah" ini berasaskan pemikiran pengurusan sumber yang rasional dan sistematik yang bukan sahaja praktikal, tetapi mencerminkan kebijaksanaan pengurusan ekonomi dalam budaya Melayu tradisional (Nik Roskiman Abdul Samad 2014). Perkara ini bertepatan dengan pandangan Wan Hashim Wan Teh (2005), yang menegaskan bahawa budaya ekonomi Melayu sangat menekankan prinsip asas keberkatan, ukuran dan kecukupan, bukan pemborosan atau ketamakan.

Peribahasa ini menolak dengan jelas stigma orientalis seperti yang diutarakan oleh R.O. Winstedt dan dikritik hebat oleh Syed Hussein Alatas (1977), yang menyatakan bahawa orang Melayu itu malas dan fatalistik. Hakikatnya, peribahasa ini mendidik masyarakat agar tidak terlalu ghairah memburu sesuatu di luar kemampuan dan menekankan pentingnya memanfaatkan secara optimum apa yang ada, iaitu dengan mengukur kekuatan dan kelemahan sebelum bertindak. Justeru, sifat 'ukur diri' ini bukan tanda kemalasan, tetapi tanda kebijaksanaan strategi dalam pengurusan hidup. Kenyataan bahawa masyarakat Melayu dahulu telah mengajar anggota masyarakatnya agar sentiasa mengukur posisi diri dalam usaha perniagaan atau ekonomi dapat dirujuk daripada amalan budaya pengurusan tradisional yang digambarkan melalui sistem sukatan seperti cupak, gantang dan leng yang bukan sekadar unit fizikal, tetapi dijadikan kerangka nilai dalam membuat keputusan (Mohd Rasdi Saamah & Abu Hassan 2005; Shaharil Talib 1995).

Tambahan pula, nilai "mengukur" ini bukan sahaja dilihat dari sudut keusahawanan rasional, tetapi dikaitkan dengan falsafah penyucian dalam Islam. Dalam Islam, ukuran seperti secupak dan segantang mempunyai dimensi spiritual yang mendalam bukan sahaja digunakan dalam urusan niaga harian, tetapi juga dalam pensyariatan zakat dan fidyah. Setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu, gantang digunakan sebagai ukuran dalam pembayaran zakat fitrah, manakala secupak (bersamaan 1 mudd,  $\pm 675\text{g}$ ) digunakan untuk menentukan kadar fidyah dan kadar kecukupan makanan bagi satu keluarga (Kamarudin & Abd Ghani 2014). Hal ini menunjukkan bahawa dalam kerangka pemikiran Melayu-Islam, tentang konsep rezeki bukan sekadar perlu diusahakan, tetapi juga perlu disucikan melalui pemberian, seperti infak dan sedekah (<http://conference.kuis.edu.my/imaf/images/e-proceedings/2014/zakat/z07-imaf-2014.pdf>). Maka rezeki 'segantang' bukan sahaja hasil daripada usaha menggandakan 'secupak', tetapi melalui proses penyucian harta yang menjamin keberkatannya (At-Taubah: 103). Hal ini memperkukuhkan hujah bahawa pemikiran ekonomi masyarakat Melayu tidak bersifat pasif atau fatalistik, tetapi berakar daripada konsep ikhtiar, ukuran,

dan penyucian yang aktif dan terarah. Sebagaimana firman Allah dalam ayat Al-Lail: 5-7 yang bermaksud:

"Adapun orang yang memberikan (menafkahkan hartanya) apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya, dan dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudaban untuk mendapat kesenangan (syurga)".

(Al-Lail: 5-7)

Justeru, dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, dapat disimpulkan bahawa peribahasa ini mengandungi gagasan pemikiran ekonomi yang berteraskan daya usaha, ukuran kemampuan, dan penyucian rezeki. Akhirnya, peribahasa ini tidak harus dilihat dalam kerangka sempit sebagai penyerahan kepada takdir semata-mata, sebaliknya harus difahami sebagai manifestasi falsafah kehidupan yang menekankan usaha, pengurusan sumber dan penyucian rezeki sebagai tonggak kejayaan. Hal ini sekali gus menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu memiliki daya usaha dan nilai keusahawanan yang tinggi..

## KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa peribahasa Melayu yang berunsurkan cupak dan gantang mencerminkan keunikan epistemologi dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Melalui analisis semantik inkuisitif, dapat dilihat bahawa sukatan konkrit digunakan untuk memahami konsep abstrak seperti rezeki, usaha, keterbatasan, dan proaktif. Pemilihan istilah cupak dan gantang oleh masyarakat Melayu bukan sahaja bersifat praktikal, tetapi juga mempunyai dimensi simbolik, retorik dan spiritual. Dimensi praktikal tercermin daripada pengalaman bertani yang menjadi asas kehidupan seharian, manakala dimensi simbolik melambangkan dualisme kecil-besar atau cukup-tidak cukup. Dimensi retorik pula menjadikan peribahasa mudah difahami dan diingati, sementara dimensi spiritual menghubungkan pengalaman material dengan keberkatan Ilahi (Noriah Mohamed 2010; Mat Hassan & Zaitul Azma 2012; Tenas Effendy 2012). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu memiliki sistem epistemologi tersendiri yang berakar pada pengalaman agraria dan nilai-nilai Islam. Oleh itu, peribahasa cupak dan gantang bukan sahaja menjadi warisan bahasa, tetapi juga wahana falsafah dan akal budi bangsa Melayu. Pemilihan sukatan ini turut mencerminkan tradisi etika kerja, nilai usaha dan pandangan dunia yang progresif dan berdaya saing. Kajian ini menyarankan agar peribahasa Melayu terus dikaji dalam kerangka semantik inkuisitif dan linguistik budaya, bagi memastikan khazanah akal budi bangsa dapat difahami secara mendalam dan diangkat dalam wacana akademik global.

## RUJUKAN

- Abdullah Munsyi. 1938. *Bahwa ini kisah pelayaran `Abdullah bin `Abdul Kadir Munsyi dari Singapura sampai ke Kelantan*. Singapura: Press of the American Mission.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. 2006. Warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban* 9 (1): 1- 10.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman, A. R., Said, D. N. A., Haq, H., & Sa'dan, A. A. 2020. Calibration of Gantang (Sa') Based on Metric System for Agricultural Zakat in Malaysia. *Jurnal Syariah* 23(1): 1–24.
- Bateman, T. S., & Crant, J. M. 1993. The proactive component of organizational behavior: A measure and correlates. *Journal of Organizational Behavior* 14(2): 103–118.
- Charteris-Black, J. 2000. Figuration, lexis and cultural resonance: A corpus- based study of Malay. *Journal of Pragmatic* 10(3): 281-300.
- Cliff Goddard. 1997. Cultural Values and Cultural Scripts of Malay (Bahasa Melayu). *Journal of Pragmatics* 27: 183-201.
- Cortesao, A. 1944. *The Suma Oriental of Tom Pires*. London: Hakluyt Society.
- Hamilton, A.W. 1955. *Malay Proverbs*. Singapore: Donald Moore for Eastern Universities Press Ltd., h. vi.

- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Sungai Ramal Dalam: Akademik Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. 2004. *Mengubah Minda Melayu: Apa Yang Harus Berubah? dalam buku Ke Arab Kelahiran Melayu Glokal*. Alaf 21: Kuala Lumpur
- Hassan Ahmad. 2006. *Ke Arab Kelahiran Melayu Glokal*. Alaf 21 Sendirian Berhad. Shah Alam: Selangor.
- Hassan Ahmad. 2016. *Bahasa dan pemikiran Melayu: Pesan terakhir pejuang bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hishamudin, & Mashetoh. 2015. Memahami pemikiran Melayu melalui peningkatan makna lexis darah dalam peribahasa. *Jurnal Melayu* 14(2): 190 – 201.
- Hugh Clifford. 1927. *In Court and Kampung*. London: The Richards Press.
- Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis kognitif peribahasa Melayu bersumberkan anjing (canis familiaris). *Gema Online™ Journal of Language Studies* 11(1): 125- 121.
- Jabatan mufti Wilayah Persekutuan. 2017. Irsyad Hukum Khas Ramadhan Siri Ke-95: Zakat Fitrah Bukan Beras yang Kita Makan. [https://muftiwp.gov.my/ms/?option=com\\_content&view=article&id=785:jual-beli-di-masjid-dan-kawasan-masjid&catid=67&Itemid=392](https://muftiwp.gov.my/ms/?option=com_content&view=article&id=785:jual-beli-di-masjid-dan-kawasan-masjid&catid=67&Itemid=392).
- Julaina, Nor Hashimah & Juaini. 2017. Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 10(1): 66 – 88.
- Junaini Kasdan. 2015. Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. Paper presented at *Seminar Meja Bulat Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur*. ATMA:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini, Nor Hashimah & Wan Nurasikin. 2016. Ikan (pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of The Malay World and Civilization (Iman)* 4(1): 31 – 42.
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp> [10 Julai 2019]
- Mansor, Azhar Wahid & Nor Hashimah Jalaluddin. 2016. Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mengaitkan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi* 32(1): 1–23.
- Md Nasir, Mohd Ridhuan Baharudin & Subet, Mohd Faizal. 2019. Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 16(2): 227–253.
- Mohamed, Noriah. 2010. Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 10(2): 115–132.
- Mohd Rasdi Saamah & Abu Hassan. (2005). Peribahasa Melayu dan Sukatan Tradisional: Analisis Kontekstual. *Jurnal Pendeta* 5: 39–58.
- Mohd. Rasdi Saamah dan Abu Hassan Abdul. 2015. Konsep dan bentuk metrologi dalam peribahasa suku kaum Semai di Lembah Jelai, Pahang. *Jurnal Pendeta* 5(3): 39- 58
- Muhammad Haji Salleh. 1991. *The Mind Of The Malay Author*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nopiah, Mohd, Ahmad Addli & Osman, Rosniza. 2023. Metafora dan Akal Budi dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies* 23(1): 45–62.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Asad Mohamed. 2018. Abstraksi Objek Konkrit dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa* 18(2): 197–218.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Hussein. 2011. *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saimon, Azman & Md Rashid, Mohd Azam. 2022. Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 12(1): 6–17.
- Swettenham, F.A. 1913. *Malay Sketches*. London dan New York: John Lane.
- Swettenham, F.A. 2007. *Perihal Orang Melayu* (diterjemahkan) Zubaidah Ibrahim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Hussein Al-Atas. 1977. *The myth of Lazy native: a study of the images of the Malays, Filipinos dan Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalisme*. London: F.Cass
- Syed Hussein Alatas. 1989. *Mitos Peribumi Malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. 2005. *Nilai-nilai dalam Tunjuk Ajar dan Petuah Amanah Melayu Riau*. Riau: Lembaga Adat Melayu Kabupaten Pelalawan.

Tenas Effendy. 2012. *Nilai-nilai Asas Jati Diri Melayu*. Pekan baru: Lembaga Adat Melayu Riau.  
Tenas Effendy. 2013. *Kearifan Pemikir Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation